



PEJABAT DAERAH & TANAH SABAK BERNAM

**KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK)
TAHUN 2022**

**TAJUK PROJEK:
SISTEM PEREKODAN PEWARTAAN TANAH
DI BAWAH SEKSYEN 62 (eWARTA)**

KUMPULAN: 9REVOLUTION



RINGKASAN EKSEKUTIF

Secara umumnya Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) adalah sebuah Jabatan yang menerajui pentadbiran di Daerah Sabak Bernam ini sejajar dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. PDTSB mempunyai 3 (tiga) bahagian dan salah satu daripadanya ialah Bahagian Pengurusan Tanah yang terdiri daripada 5 (lima) unit termasuklah Unit Pelupusan Tanah.

Tafsiran pelupusan menurut seksyen 5 KTN, Pelupusan ditakrifkan sebagai apa-apa tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah seksyen 42 KTN atau mana-mana dari kuasa-kuasa bersamaan yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu. Berikut adalah fungsi Unit Pelupusan Tanah:

1. Permohonan Pembermilikan (Seksyen 76)
2. Lesen Pendudukan Sementara (LPS) (Seksyen 65)
3. Permit Bahan Batuan
4. Pewartaan (Seksyen 62)
5. Pajakan (Seksyen 63)

Segala urusan di Unit Pelupusan Tanah perlu dilaksanakan dengan teliti kerana setiap urusan tanah yang dilakukan adalah berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah Tanah Negeri Selangor, Pekeliling Negeri Selangor dan undang-undang lain yang berkaitan. Urusan ini tidak hanya melibatkan kerja-kerja dalaman antara kakitangan PDTSB sahaja tetapi turut melibatkan pelanggan yang terdiri daripada pelbagai lapisan yang perlu diberi perhatian agar dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan. Selain itu, dengan mengikut garis panduan dan tatacara kerja yang betul, kesilapan dan kelewatan dalam melaksanakan urusan tanah dapat dielakan daripada berlaku.

Sehubungan itu, sejajar dengan perkembangan teknologi pada masa kini, kepelbagaian kecanggihan sistem aplikasi atau portal atas talian yang dibangunkan sebagai pembaharuan dalam sistem pentadbiran dan urusan kerja bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan seharian. Oleh itu, Kumpulan KIK PDTSB bagi tahun 2022 ini telah melahirkan sebuah idea baru bagi membangunkan Sistem Perekodan Pewartaan Tanah Di Bawah Seksyen 62 (eWarta) yang digunakan oleh Unit Pelupusan Tanah, PDTSB.

LATAR BELAKANG KUMPULAN

NAMA KUMPULAN	:	9Revolution
NAMA ORGANISASI	:	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam
ALAMAT	:	Kompleks Pejabat Kerajaan 45300 Sungai Besar Selangor Darul Ehsan
NO. TELEFON & FAKS	:	03 – 3224 1963 / 1964 / 1967 03 – 3224 2113 / 2718
EMEL	:	kik9revolution@gmail.com
TARIKH KUMPULAN DITUBUHKAN	:	1 Oktober 2021
BILANGAN AHLI	:	9 orang
SENARAI AHLI KUMPULAN	:	1. Farrah Izzati binti Fuat 2. Norhidayah binti Abdul Rashid 3. Rabiatal Adawiyah binti Mohd Salleh 4. Rozana binti Haniran 5. Nurul Aida binti Muhazli 6. Azrimah binti Jamin 7. Mohd Nasrul Hadi bin Arbain 8. Din Imran bin Harun 9. Mohd Khiri bin Abd Halim
PENASIHAT	:	Encik Nazrin Izwan bin Md Noh Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)
PENAUNG	:	Tuan Amri bin Ismail Pegawai Daerah Sabak Bernam
NAMA PROJEK	:	Sistem Perekodan Pewartaan Tanah Di Bawah Seksyen 62 (eWarta)
BIDANG INOVASI	:	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

BAHAGIAN 1 : SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK

1.1 KAITAN ISU/MASALAH DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN

Pemilihan projek ini adalah selaras dalam menyokong dasar dan hala tuju fungsi utama jabatan seperti berikut:

i.	VISI	Sabak Bernam peneraju ekonomi asas tani Negeri Selangor menjelang tahun 2023
ii.	MISI	Melestarikan pembangunan dan memperkasakan tadbir urus ke arah kemakmuran daerah demi kesejahteraan rakyat
iii.	NILAI-NILAI BERSAMA	• Proaktif • Dinamik • Terampil • Semangat berpasukan • Berinteriti

(Rujuk: Laman sesawang PDTSB)

Jadual 1: Visi, Misi dan Nilai-nilai Bersama PDTSB

1.2 KAITAN ISU/MASALAH DENGAN KEHENDAK PELANGGAN DAN STAKEHOLDERS

Pemilihan projek ini adalah bertujuan untuk memastikan keperluan pelanggan dan *stakeholders* diberi perhatian sewajarnya berdasarkan saranan berikut:

i.	Pelanggan	Membantu dalam mempercepat dan memudahkan urusan kerja-kerja pentadbiran	1. Memastikan taraf kualiti perkhidmatan kepada pelanggan mencapai standard berdasarkan kehendak dan keperluan pelanggan melalui pendekatan <i>delighting the customer</i> . (Rujuk lampiran – Panduan Pengurusan Pelanggan)
ii.	Stakeholders		2. Selaras dengan inisiatif PRICE2S – SMART SELANGOR yang memberi tumpuan dalam meningkatkan kualiti penyampaian bagi perkhidmatan awam serta menambah kecekapan dalam perkhidmatan (Rujuk Lampiran - Artikel PRICES2S)

Jadual 2: Keperluan pelanggan dan *stakeholders* PDTSB

1.3 KAITAN ISU/MASALAH DENGAN AGENDA KERAJAAN

Pemilihan projek ini juga bertujuan bagi memenuhi dan menyokong agenda Kerajaan selaras dengan butiran seperti berikut:

1	Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2021-2025	TERAS 1 – Pemantapan Infostruktur secara inklusif dan bersepadu • Mengukuh dan mengintegrasikan infostruktur bagi meningkatkan pemanfaat pendigitalan perkhidmatan pentadbiran negeri • Memantapkan platform penyampaian perkhidmatan pendigitalan pentadbiran negeri bagi meningkatkan ketelusan dan mengaplikasikan konsep peduli rakyat
2	Pelan Tindakan Inovasi Penjabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2021-2025	Strategik 2 – • Menyelaras perancangan dan pembangunan infrastruktur fizikal dan digital serta kemudahan awam demi kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat Strategik 4 – • Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi memberikan perkhidmatan terbaik
3	Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi	Tadbir Urus STI – • Menggalakan tadbir urus Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang teratur dan efektif bagi sistem penyampaian awam melalui potensi inovasi sektor awam bagi memastikan sistem penyampaian yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan hasrat Kerajaan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.
4	Agenda Transformasi Perkhidmatan Awam	Teras 1 – Mendaya Upaya Bakat • memberi penekanan kepada usaha untuk mendayaupayakan penjawat awam dengan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, daya kepimpinan, kreativiti dan inovasi melalui pembelajaran berterusan yang berupaya menukar cara bekerja sedia ada kepada peranan yang lebih besar sebagai <i>knowledge workers</i> yang sentiasa kreatif dan inovatif. Teras 3 – Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan • sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara serta bagi memenuhi tuntutan rakyat yang terus meningkat saban tahun.

Jadual 3: Agenda Kerajaan berkaitan Pemilihan Projek

BAHAGIAN 2 : ISU DAN MASALAH

2.1 PENYATAAN MASALAH

Semua tanah yang terletak di dalam sempadan sesuatu negeri sebelum ianya dilupuskan termasuk bahan-bahan mineral dan bahan batuan yang terdapat di dalamnya adalah terletak hak hanya kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan yang bertindak melupuskan sesuatu tanah itu sama ada untuk digunakan atau diduduki. Pewartaan pula merujuk kepada Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 iaitu Seksyen 62 adalah merupakan Kuasa Perizaban Tanah Kerajaan. Di bawah seksyen ini, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dengan pemberitahuan dalam warta merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk apa-apa maksud awam.

Rekod-rekod pewartaan yang sedia ada masih lagi disimpan secara fail tetapi bagi rekod-rekod pewartaan yang lama fail tersebut ada yang tidak dijumpai dan ada juga yang dijumpai tetapi maklumat di atas kertas telah kabur dan pudar sehingga tidak dapat dibaca. Isu utama yang dihadapi bagi menguruskan kerja-kerja pentadbiran berkaitan pewartaan ialah pertindihan pewartaan, carian maklumat pewartaan yang terhad dan mengambil masa yang lama untuk memberikan maklumbalas.

Urusan pewartaan ini tidak hanya melibatkan kakitangan di Unit Pelupusan Tanah sahaja malah turut melibatkan pelanggan dan *stakeholders* yang terdiri daripada kakitangan PDTSB dan agensi-agensi kerajaan. Oleh itu, urusan pewartaan ini seharusnya diperbaiki dan ditambahbaik mutu perkhidmatan agar urusan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan lancar sekaligus dapat mencapai tahap kepuasan pelanggan yang baik.

Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah ini daripada terus berulang data-data pewartaan telah dikumpulkan dan didigitalkan membentuk sebuah sistem yang dibangunkan menguruskan rekod-rekod pewartaan dan segala data-data pewartaan yang berkaitan.

2.2 KAEDAH BAGI MENYELESAIKAN MASALAH YANG BERLAKU/ DIHADAPI

Bagi menyelesaikan isu/masalah ini, kaedah **5W 1H** dan analisis **SWOT** telah digunakan untuk membuat analisis bagi mengenalpasti masalah berlaku iaitu pertindihan pewartaan, carian maklumat pewartaan yang terhad dan mengambil masa yang lama untuk memberikan maklumbalas.

Oleh itu, perbincangan bagi menetapkan penyelesaian projek selaras telah dilakukan selaras dengan kriteria yang dinilai bagi projek KIK iaitu:-

- i. Kreatif dan inovatif;
- ii. Memberi impak yang positif dan menyeluruh;
- iii. Memberi pulangan nilai yang terbaik;
- iv. Boleh direplikasikan atau dikomersilkan.

2.3 PENYATAAN SASARAN *OUTCOME* DAN IMPAK

Selaras dengan Misi PDTSB iaitu Melestarikan Pembangunan Dan Memperkasakan Tadbir Urus Ke Arah Kemakmuran Daerah Demi Kesejahteraan Rakyat berikut adalah jangkaan *Outcome* dan Impak yang disasarkan bagi projek inovasi ini:

Jangkaan Outcome	
Organisasi	Peningkatan prestasi kerja melalui kecekapan sistem
Pelanggan	Peningkatan tahap kepuasan pelanggan
<i>Stakeholders</i>	Menyokong dasar 'SMART Selangor' Menjadi Perintis dalam pendigitalan

Jadual 4: Jangkaan Outcome

Jangkaan Impak	
Organisasi	Meningkatkan imej PDTSB
Pelanggan	Meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan
<i>Stakeholders</i>	Menyokong dasar kerajaan ke arah mencapai visi <i>Smart State</i>

Jadual 5: Jangkaan Impak

BAHAGIAN 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF - APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

3.1.1 APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS – 5W 1H

Isu / masalah yang dihadapi telah diterjemahkan dengan menggunakan kaedah 5W 1H, seperti berikut:

WHAT	Kelewatan dalam proses carian rekod pewartaan kepada agensi luar
WHY	Untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan PDTSB
WHEN	Apabila PDTSB menerima surat permohonan mendapatkan maklumat atau membuat semakan pewartaan daripada agensi luar / pelanggan
WHERE	Unit Pelupusan Tanah, Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam
WHO	1. Kakitangan Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam 2. Agensi Kerajaan
HOW	Merangka sebuah sistem bagi mengatasi masalah tersebut

Jadual 6: Kaedah 5W 1H

3.1.2 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF - APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

Seterusnya, isu/masalah yang dihadapi telah dirangka strategi ke arah yang lebih strategik menggunakan kaedah SWOT analisis seperti berikut:

3.1.2.1 Apa itu Analisis SWOT?

Analisis SWOT ialah perancangan strategik dan teknik pengurusan strategik yang digunakan bagi projek inovasi ini untuk membantu dalam mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang berkaitan dengan perancangan projek ini.

1. Strength (Kekuatan)

Selari dengan perkembangan teknologi masa kini, sistem ini sangat penting dan menjadi kemestian demi memudahkan dan mempercepatkan urusan seharian dan dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan di PDTSB menjadi lebih cekap dan berkesan. Bersesuaian dengan objektif utama KIK untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti serta produktiviti kerja melalui penciptaan cara bekerja yang baru atau dengan penghasilan inovasi yang dapat menyelesaikan masalah dengan membuat penambahbaikan kepada sistem kerja jabatan.

2. Weakness (Kelemahan)

Setiap sistem yang dibangunkan akan mempunyai kelemahan kerana sistem ini bergantung kepada kekuatan capaian internet. Tetapi, kelemahan atau gangguan capaian internet terhadap sistem ini amatlah minimum kerana PDTSB terletak di lokasi yang mempunyai capaian internet yang baik dan kuat. Kelemahan ini juga dapat diatasi dengan adanya server yang kuat dan stabil serta sekiranya sistem ini dapat dibangunkan dengan baik dan sempurna ianya boleh dijadikan panduan kepada agensi Kerajaan yang lain.

3. Opportunity (Peluang)

Segala urusan yang melibatkan urusan tanah terutamanya di Unit Pelupusan Tanah perlu dilaksanakan dengan teliti kerana setiap urusan tanah yang dilakukan adalah berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah Tanah Negeri Selangor, Pekeliling Negeri Selangor dan undang-undang lain yang berkaitan. Oleh itu, sistem ini memberi peluang baik untuk diwujudkan serta dibangunkan oleh PDTSB kerana dengan adanya sistem ini, perkhidmatan kerajaan dapat disalurkan kepada *stakeholders* dengan lebih cekap dan berkesan. Seterusnya, membuka peluang kepada agensi-agensi lain untuk turut mengguna pakai sistem ini yang dapat memberi faedah kepada setiap *stakeholders* mereka.

4. Threats (Ancaman)

Dengan menggunakan sistem ini dalam menyampaikan perkhidmatan kepada *stakeholders*, akan berlaku beberapa ancaman yang boleh mengganggu gugat sistem itu sendiri. Sebagai contoh, ancaman siber terhadap penggunaan sistem yang menggunakan internet seperti ancaman digodam oleh penggoda mahupun serangan virus komputer. Sehubungan itu, langkah-langkah pencegahan bagi berdepan kemungkinan serangan siber perlu diberi perhatian termasuklah pengukuhan sistem pertahanan siber bagi melindungi rangkaian komputer di agensi seperti pengukuhan sistem firewall.

3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN SISTEM eWARTA

3.2.1 Pelaksanaan Uji Cuba 1

MINGGU	USER INTERFACE	MESRA PENGGUNA	TAHAP KESELAMATAN SISTEM	ANALISIS DAN LAPORAN	MENGUJI PAUTAN PORTAL	LAIN-LAIN MAKLUMAT TAMBAHAN
29/10/2021	Olahan muka hadapan menarik tetapi tidal nampak sebagai sistem	Tidak mesra pengguna	Keselamatan sistem tiada jaminan	Tiada carta analisis dapat dilihat	Tidak berkaitan	Terdapat Salinan Warta dan pelan lokasi yang tidak jelas

Jadual 7: Pelaksanaan Uji Cuba 1

3.2.2 Penambahbaikan Uji Cuba 1

BIL	PENAMBAHBAIKAN YANG DILAKUKAN			CATATAN
1.	Naik taraf kepada system yang sebenar berbanding penggunaan Microsoft Excel			Mengikut keperluan masakini dan tahap keselamatan akan terjamin
2.	Sistem boleh menjana analisis mengikut kategori pewartaan			Pengguna mudah untuk membuat analisis dan laporan
3.	Scanning semula bagi Salinan Warta dan Pelan Warta yang kabur dan tidak jelas telah dilakukan			Warta yang jelas dan terang diperlukan agar output dapat digunakan dengan sebaiknya

Jadual 8: Penambahbaikan Uji Cuba 1

3.2.3 Pelaksanaan Uji Cuba 2

MINGGU	USER INTERFACE	MESRA PENGGUNA	TAHAP KESELAMATAN SISTEM	ANALISIS DAN LAPORAN	MENGUJI PAUTAN PORTAL	LAIN-LAIN MAKLUMAT TAMBAHAN
25/1-4/2/2022	Olahan muka hadapan kurang menarik dan kurang interaktif	Pemilihan paparan yang perlu bagi memudahkan carian warta	<i>Admin user</i> tiada	Carta analisis terlalu ringkas dan tidak banyak pilihan	Mengenalpasti fungsi yang perlu dimasukkan ke dalam sistem	Terdapat Salinan Warta dan pelan lokasi yang tidak jelas
	Penambahan gambar dan konsep yang bersesuaian	Kategori warta kurang jelas dan sukar difahami	Penambahan id untuk pengguna biasa	Format laporan tidak dapat dipaparkan	Membuat ujian setiap fungsi yang diperlukan di dalam sistem	Penambahan item gambar lokasi bagi tapak warta

Jadual 9: Pelaksanaan Uji Cuba 2

3.2.4 Penambahbaikan Uji Cuba 2

BIL	PENAMBAHBAIKAN YANG DILAKUKAN			CATATAN
1.	Paparasi sistem ditambah baik mengikut konsep terkini			Mengikut keperluan masakini
2.	Menambahkan id <i>admin user</i> bagi memudahkan sebarang <i>editing</i> data baru ke dalam system manakala pengguna lain sebagai pengguna biasa			<i>Admin user</i> bagi mengawal tahap keselamatan system, Pengguna biasa juga boleh melakukan semakan selain <i>admin user</i>
3.	Membuat ujian setiap fungsi yang diperlukan bagi memudahkan paparan di Portal Rasmi PDTSB dengan bantuan Unit ICT PDTSB			Ujian ini diperlukan bagi mengetahui kesiediaan sistem apabila di <i>link</i> ke portal
4.	<i>Scanning</i> semula bagi Salinan Warta dan Pelan Warta yang kabur dan tidak jelas telah dilakukan			Warta yang jelas dan terang diperlukan agar output dapat digunakan dengan sebaiknya

Jadual 10: Penambahbaikan Uji Cuba 2

3.4.3 Pengenalpastian Masalah dan Punca-Punca Sebelum Pembangunan Sistem

- i. Rekod lama adalah secara **manual** iaitu salinan warta dan pelan lokasi disimpan di dalam fail *hardcopy* dan menyukarkan carian warta dilakukan.
- ii. Terdapat permohonan warta yang **bertindih** kerana rekod warta lama tidak dapat dijumpai di dalam fail manual.
- iii. Risiko **kehilangan** dan kerosakan dokumen warta.

3.4.4 Bagaimana eWarta ini berfungsi?

- i. Fungsi utama sistem eWarta ini adalah untuk menyimpan rekod Pewartaan Tanah Di Bawah Seksyen 62 secara digital melalui sistem yang dibangunkan. Ia merupakan penambahbaikan daripada kaedah perekodan lama iaitu secara manual (*hardcopy*) yang memerlukan masa yang lama untuk membuat carian sesuatu warta.
- ii. Sistem ini berfungsi untuk memudahkan carian rekod warta di bawah Seksyen 62 meliputi maklumat, data, salinan pewartaan, pelan lokasi, dan gambar tapak. Walaubagaimanapun, gambar tapak belum dapat dimuatnaik secara keseluruhannya lagi kerana perlu mendapatkan gambar terkini di lokasi.
- iii. Fungsi untuk pengguna yang terdiri kakitangan Unit Pelupusan Tanah boleh mengakses sistem ini bagi membuat carian dan semakan berpandukan permohonan semakan status tanah secara bersurat bagi permohonan daripada orang awam, jabatan dan agensi kerajaan, manakala secara memo bagi permohonan dari bahagian dan unit di PDTSB sendiri.

3.4.5 Kelebihan eWarta

- i. **Menjimatkan masa** maklumbalas bagi setiap permohonan carian status pewartaan.
- ii. Rekod warta lebih **mudah diakses** kerana kuasa mengakses maklumat tidak terhad kepada Pegawai Pengawal rekod warta sahaja, tetapi ia juga dibuka kepada pengguna lain di kalangan kakitangan Unit Pelupusan Tanah.
- iii. Data dan maklumat pewartaan dapat **dikumpulkan dalam satu sistem yang sama** iaitu eWarta. Data atau maklumat akan lebih tersusun dan ia lebih mudah untuk dicari apabila diperlukan.
- iv. **Mudah untuk mengenalpasti rekod warta** yang masih aktif dan warta yang telah batal.
- v. Analisis dan laporan **lebih mudah dijana** dengan adanya sistem secara digital.
- vi. **Keselamatan dokumen** warta lebih terjaga kerana data disimpan di dalam sistem berbanding kaedah lama secara manual malahan, **kualiti data** pun dapat dijaga dengan kaedah *scanning* semua salinan warta ke dalam sistem.
- vii. Meningkatkan **efisiensi** dan **memudahkan urusan seharian** di pejabat dan secara tidak langsung agensi yang terlibat turut mendapat maklumat dengan lebih cepat dan tepat.

- viii. Tempoh penyampaian yang lebih **singkat dan efektif** bagi memenuhi aspirasi kerajaan dalam “Merakytakan Sistem Penyampaian Sektor Awam” dan “Peduli Rakyat”.

3.5 Perbandingan Sebelum dan Selepas

Rujuk Paparan *Manual Excel* & sistem seperti di lampiran.

BAHAGIAN 4 : KEBERHASILAN PROJEK

4.1 KEBERHASILAN (*OUTCOME*)

1. **Pengurangan Kos** - Keberhasilan dari segi pengurangan kos melalui kewujudan pengkalan data eWarta ini adalah dengan melihat kepada kos pengangkutan yang perlu ditanggung oleh agensi untuk hadir ke Pejabat Daerah Sabak Bernam bagi tujuan semakan maklumat pewartaan.
2. **Penjimatan Masa** - Kewujudan sistem eWarta ini telah menjimatkan masa kepada pengguna yang terdiri daripada kakitangan Unit Pelupusan Tanah untuk membuat semakan maklumat tanah-tanah yang telah mendapatkan kelulusan dan siaran penwartaan. Selain itu, bagi pihak pelanggan pula, tidak perlu mengambil masa yang terlalu lama untuk mendapatkan maklumat yang terkini berkenaan penwartaan kerana capaian maklumat semakin mudah dan pantas.
3. **Peningkatan Hasil Kerja** - Capaian maklumat yang semakin pantas dapat meningkatkan prestasi kerja di kalangan kakitangan Unit Pelupusan Tanah khususnya kebolehsampaian perkhidmatan dan maklumat dengana cara yang berkesan.
4. **Peningkatan Kepuasan Pelanggan** - Tanpa menunggu masa yang terlalu lama bagi mendapatkan maklumat penwartaan dan maklumbalas daripada pejabat, sudah pasti kepuasan dan kepercayaan pelanggan akan dapat dicapai ke tahap yang lebih baik berbanding sebelum ini.
5. **Perintis pendigitalan** - Dengan adanya inovasi penyediaan pengkalan data seperti eWarta ini akan menjadi perintis kepada skop kerja yang lain untuk mendigitalkan maklumat-maklumat pengurusan tanah sebagai rekod pendua selain amalan kebiasaan melalui rekod secara manual.

- viii. Tempoh penyampaian yang lebih **singkat dan efektif** bagi memenuhi aspirasi kerajaan dalam “Merakytakan Sistem Penyampaian Sektor Awam” dan “Peduli Rakyat”.

3.5 Perbandingan Sebelum dan Selepas

Rujuk Paparan *Manual Excel* & sistem seperti di lampiran.

BAHAGIAN 4 : KEBERHASILAN PROJEK

4.1 KEBERHASILAN (*OUTCOME*)

1. **Pengurangan Kos** - Keberhasilan dari segi pengurangan kos melalui kewujudan pengkalan data eWarta ini adalah dengan melihat kepada kos pengangkutan yang perlu ditanggung oleh agensi untuk hadir ke Pejabat Daerah Sabak Bernam bagi tujuan semakan maklumat pewartaan.
2. **Penjimatan Masa** - Kewujudan sistem eWarta ini telah menjimatkan masa kepada pengguna yang terdiri daripada kakitangan Unit Pelupusan Tanah untuk membuat semakan maklumat tanah-tanah yang telah mendapatkan kelulusan dan siaran pewartaan. Selain itu, bagi pihak pelanggan pula, tidak perlu mengambil masa yang terlalu lama untuk mendapatkan maklumat yang terkini berkenaan pewartaan kerana capaian maklumat semakin mudah dan pantas.
3. **Peningkatan Hasil Kerja** - Capaian maklumat yang semakin pantas dapat meningkatkan prestasi kerja di kalangan kakitangan Unit Pelupusan Tanah khususnya kebolehsampaian perkhidmatan dan maklumat dengana cara yang berkesan.
4. **Peningkatan Kepuasan Pelanggan** - Tanpa menunggu masa yang terlalu lama bagi mendapatkan maklumat pewartaan dan maklumbalas daripada pejabat, sudah pasti kepuasan dan kepercayaan pelanggan akan dapat dicapai ke tahap yang lebih baik berbanding sebelum ini.
5. **Perintis pendigitalan** - Dengan adanya inovasi penyediaan pengkalan data seperti eWarta ini akan menjadi perintis kepada skop kerja yang lain untuk mendigitalkan maklumat-maklumat pengurusan tanah sebagai rekod pendua selain amalan kebiasaan melalui rekod secara manual.

4.1 KEBERHASILAN (IMPAK)

ASPEK	JANGKAAN	PENCAPAIAN
FUNGSI ORGANISASI	Meningkatkan imej jabatan	Kakitangan Unit Pelupusan dan agensi memberikan maklumbalas yang baik terhadap sistem ini
KEHENDAK PELANGGAN	Kepuasan hati pelanggan	Pencapaian tahap kepuasan pelanggan meningkat berbanding sebelum ini
STAKEHOLDERS	Menyokong dasar kerajaan ke arah mencapai SMART State	Melahirkan penjawat awam yang mampu memenuhi ekspektasi stakeholders dengan penyampaian sistem yang lebih mudah, pantas dan berkesan.

BAHAGIAN 5 : POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

5.1 Tahap ketersediaan sistem

Sistem Perekodan Pewartaan Tanah Di Bawah Seksyen 62 (eWarta) menggunakan teknologi pengaturcaraan/php/mysql ICT dengan proses kerja yang mudah yang boleh ditambah baik mengikut kesesuaian dan kehendak jabatan dan pengguna. Ujicuba bersama-sama agensi luar yang terlibat secara langsung bagi mendapatkan maklumbalas berhubung pewartaan seperti bagi mendapatkan maklumat pewartaan atau salinan warta turut dilakukan dan pengujian sistem ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali uji cuba dan maklumbalas sesi pengujian juga telah diedarkan untuk dijawab oleh pengguna (**Rujuk Lampiran 7 dan 8**).

5.2 Penambahbaikan di dalam sistem

Disebabkan inovasi ini mempersembahkan data secara atribut sahaja bagi capaian maklumat, adalah diharapkan pada masa akan datang data atribut ini dapat dihubungkan dengan pengkalan data spatial yang dibangunkan menggunakan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Ini kerana dengan kombinasi dua pengkalan data ini, sistem ini akan mencapai objektif pembangunannya secara menyeluruh dan lebih efektif.

5.3 Tahap replikasi atau pengkomersialan

Cadangan akan datang bagi pembangunan Sistem Perekodan Pewartaan Tanah Di Bawah Seksyen 62 (eWarta) ini adalah dapat diperkembangkan untuk kegunaan di semua Pejabat-Pejabat Daerah di Negeri Selangor. Tahap komersialan untuk pembangunan sistem ini masih diperingkat awal dan juga cadangan untuk dipatrnkan di masa hadapan.

KESIMPULAN

Sistem Perekodan Pewartaan Tanah Di Bawah Seksyen 62 (eWarta) adalah merupakan satu sistem pendigitalan dan carian pantas bagi rekod-rekod pewartaan di Unit Pelupusan Tanah. Pembangunan sistem ini diharap dapat mempertingkatkan hasil kerja di kalangan kakitangan unit dengan capaian maklumat yang lebih pantas dan mudah.

Selain itu, pembangunan sistem ini juga dapat meningkatkan tahap kepuasan pelanggan khususnya orang awam dan agensi bagi mendapatkan maklumat berhubung pewartaan tanpa mengambil masa yang lama. Sistem ini sememangnya adalah bertepatan dengan langkah kerajaan Negeri untuk mewujudkan penggunaan ICT dalam perkhidmatan Awam di negeri Selangor seperti yang terdapat di dalam objektif Smart Selangor.